

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 27.10.2016

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan dan justifikasinya bagi sesetengah Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan menerima peruntukan pertambahanatau pengurangan dalam peruntukan 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk memastikan setiap Kementerian/Jabatan/Agensi menerima peruntukan yang sewajarnya mengikut anggaran keperluan kementerian/jabatan/agensi berkenaan dan berdasarkan kedudukan

kewangan semasa Kerajaan.

Namun begitu, Kerajaan juga menyediakan peruntukan tambahan bagi menampung keperluan kewangan yang tidak mencukupi dan diluar jangkaan seperti membaiki infrastruktur yang terlibat dengan bencana alam dan peruntukan luar jangka yang tidak disediakan pada tahun 2016. Peruntukan tambahan tersebut disediakan setelah mengambil kira kedudukan kewangan semasa dan sasaran fiskal yang telah ditetapkan.